

# Mohamad: Golongan tertentu cuba kelirukan rakyat

JOHOR BARU, Sabtu — Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, menasihatkan rakyat supaya berwaspada terhadap golongan-golongan tertentu yang cuba mengelirukan mereka dengan memainkan isu-isu sensitif.

S a m b i l i mensifatkan golongan-golongan itu sebagai "politikus-politikus hantu", beliau berkata mereka cuba menakut-nakutkan rakyat dengan membangkitkan perkara-perkara sensitif kerana kekurangan modal.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Wanita UMNO Bahagian Pulai, beliau berkata, golongan-golongan tersebut sentiasa cuba meracuni fikiran rakyat dan mengikis kepercayaan orang ramai terhadap segala usaha kerajaan hendak menyatu-pacukan rakyat demi kepentingan mereka sendiri.

Beliau berkata, negara telah mencapai kejayaan dalam berbagai bidang dan mencapai pembangunan pesat dalam tempoh yang agak singkat jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini yang sama-sama mencapai kemerdekaan.

"Kalau negara-negara asing boleh mengakui kenyataan ini, mengapa golongan-golongan tersebut menafikannya," tanya beliau.

Katanya, golongan-golongan itu sengaja membangkitkan isu 3M yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang bertujuan meningkatkan lagi mutu pelajaran anak-anak.

Kesan baik sistem 3M

■ "Politikus-politikus hantu' cuba menakutkan rakyat dengan membangkitkan perkara-perkara sensitif kerana kekurangan modal ■

ini, tambahannya, telah terbukti di kalangan generasi tua, terutama mereka yang beragama Islam yang boleh membaca walaupun tidak ke sekolah kerana diajar mengenal huruf jawi.

Pengetahuan mendalam mengenai huruf jawi dan menulis jawi telah membolehkan mereka membaca mukaddam dan quran dan seterusnya membaca karya-karya kesusasteraan Islam dan mendalami pengetahuan Islam, katanya.

Sistem 3M ini penting bagi seseorang itu untuk mencapai kemajuan dan meningkatkannya, tegasnya.

Datuk Mohamad juga menasihatkan rakyat bersedia menghadapi segala cabaran dan perubahan sesuai dengan keadaan zaman.

Ahli-ahli umno diingatkan supaya mengekalkan perpaduan dan memperkemaskan susunan parti bagi menghadapi pilihan raya.

Bernama.



■ DATUK MOHAMAD

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia